



**ATLET** negara (dari kiri) Muhammad Erwan Berhan, Nur Nadira Natalia Mohd. Manshar, Chuah Yu Tien, Ahmad Luth Hamizan dan Nursyafazliyana Mohd Ali ceria berkongsi kejayaan dengan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Datuk Ahmad Shapawi Ismail (tiga dari kanan) dan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dalam Majlis Konvokesyen UPM Ke 42 di Serdang dekat Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/GAIE UCHEL

# 12 atlet terima ijazah

Oleh R. UMAVATHI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 OKT.

**K**ESIBUKAN bergelar atlet yang perlu menggalas tanggungjawab mengharumkan nama negara tidak pernah menjadi penghalang mereka untuk berjaya dalam pengajian akademik masing-masing.

Sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-42 di Serdang dekat sini semalam, seramai 12 atlet negara yang menamatkan pengajian diraikan.

Mereka ialah atlet-atlet olahraga, Chuah Yu Tien, Ahmad Luth Hanizan, Muhd. Ajmal



Aiman Mat Hassan dan Mohd. Fairol Nazim Mohd. Noor serta atlet bola jaring, Siti Nor Farhana Mustafa, Izyan Syazana Mohd. Wazir dan Nursyafazliyana Mohd. Ali.

Tiga lagi ialah atlet ragbi, Nur Nadira Natalia Mohd. Manshar, Muhammad Zharif Affandi Mohamed Zahid; Nik Mohd. Shahiddan Mohd. Zain (ragbi); Muhammad Erwan Berhan (bola sepak) dan Muhammad Aqil Anuar (lawan pedang).

Yu Tien, graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia Petroleum) dan pemenang pingat perak Sukan SEA 2017 dalam acara lompat bergalah wanita mengakui berdepan masa-masa sukar tetapi ia berjaya diatasi dengan pembahagian masa yang sistematik.

“Kita seharusnya menghargai masa dan sentiasa berusaha mencari ilmu pengetahuan walaupun dalam pada masa yang sama, kita menggalas nama negara di peringkat dunia,” katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis konvokesyen itu.

Tambahnya, tiada masalah untuk seorang atlet yang sentiasa sibuk menjalani latihan untuk menyambung pelajaran asalkan mereka bijak mengurus masa.